

## RAS UiTM tanam 1,000 pokok bakau

### **RAS UiTM tanam 1,000 pokok bakau**

SEBANYAK 1,000 anak pokok bakau ditanam Rakan Alam Sekitar (RAS) Universiti Teknologi Mara (UiTM) melibatkan 100 orang sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa universiti itu, penduduk kampung dan rakan kerjasama di tapak penanaman, Hutan Simpan Banjar Utara, Tanjong Karang, Selangor.

Program Kutip Sampah Sambil Riadah (Kudah) dan Penanaman Pokok Bakau 1 RAS 1 Pokok 2023 bersama RAS itu turut melibatkan kerjasama Persatuan Aktivist Sahabat Alam (KUASA), Pejabat Renj Hutan, Secret Recipe, Canon Opto, Aucerna, Pejabat Daerah Kuala Selangor dan juga Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Tok Adam.



RAS dalam kenyataannya memaklumkan, program tersebut dianjurkan sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Selangor 2023 dan Hari Air Sedunia 2023 bagi memberi

pendedahan kepada masyarakat dalam memartabatkan kelestarian alam sekitar. "Objektif utama adalah untuk memberi peluang kepada peserta mempelajari tentang

kepentingan penanaman pokok bakau bagi keseimbangan ekosistem dan pengurusan kawasan pokok bakau," ujarninya.

■ SUKARELAWAN RAS bersama

komuniti setempat dan rakan kerjasama mereka menanam 1,000 pokok bakau dekat tapak penanaman Hutan Simpan Banjar Utara, Tanjong Karang di Kuala Selangor, Selangor.